



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2000


**PEMBERIAN PENINGKATAN GAJI 10% KEPADA
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM DI BAWAH
JAWATANKUASA KABINET**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

KANDUNGAN

| <i>Bil.</i> | <i>Tajuk</i> | <i>Muka Surat</i> |
|-------------|---|-------------------|
| 1. | TUJUAN | 1 |
| 2. | TAFSIRAN | 1 |
| 3. | PELAKSANAAN | 2 |
| | Peningkatan Gaji | 2 |
| | Kaedah Perkiraan | 4 |
| | Elaun Dan Kemudahan | 4 |
| | Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 5 |
| | Faedah Persaraan | 5 |
| 4. | TARIKH KUATKUASA | 5 |
| 5. | PEMAKAIAN | 5 |
| 6. | PEMBATALAN | 6 |
| 7. | SENARAI LAMPIRAN | |
| | Lampiran A | |
| | Contoh 1 – Anggota Menikmati Sepenuhnya PPKG 8% Mengikut Perenggan 3.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 | 7 |
| | Contoh 2 - Anggota Layak Diberi <i>Topping Up</i> PPKG 8% Mengikut Perenggan 3.2 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 | 8 |

| | |
|---|----|
| Contoh 3 - Anggota Tidak Layak Diberi PPKG 8% Mengikut Perenggan 3.2 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 | 9 |
| Contoh 4 - Anggota layak diberi PPKG 8% Sepenuhnya Mengikut Perenggan 3.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 dan Dinaikkan Pangkat Dalam Skim Perkhidmatan JKK | 10 |
| Lampiran B - Anggota Yang Tarikh Kenaikan Gaji Tahunan Adalah 1 Januari 2000 | 11 |
| Lampiran C - Anggota Yang Tarikh Kenaikan Gaji Tahunan Selepas 1 Januari 2000 | 12 |
| Lampiran D - Penetapan Kelayakan Elaun dan Kemudahan Yang Berasaskan Gaji | 13 |



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2000

**PEMBERIAN PENINGKATAN GAJI 10% KEPADA
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM DI BAWAH
JAWATANKUASA KABINET**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan memberi Peningkatan Gaji 10% mulai 1 Januari 2000 kepada anggota perkhidmatan awam Persekutuan di bawah syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976.

TAFSIRAN

2. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, istilah berikut mempunyai erti seperti di bawah ini-

“anggota” ertinya seseorang yang tidak memilih tawaran Sistem Saraan Baru dan kekal di bawah syarat-syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976;

“Gaji Jawatankuasa Kabinet” ertinya Matagaji dalam tanggagaji Jawatankuasa Kabinet;

“Gaji Pokok Hakiki” ertinya Matagaji dalam tanggagaji Jawatankuasa Kabinet;

“Pelarasan Gaji” ertinya perubahan gaji berikutan daripada kenaikan gaji yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2000 kepada anggota perkhidmatan Sistem Saraan Baru; dan

“Peningkatan Gaji 10%” ertinya pemberian peningkatan gaji 10% daripada jumlah Gaji Pokok Hakiki Jawatankuasa Kabinet dan Pemberian Pendahuluan Kenaikan Gaji 8% mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992.

PELAKSANAAN

Peningkatan Gaji

3. Peningkatan Gaji 10% **tidak diberi** kepada –
 - a. anggota yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman **buang kerja** yang berkuatkuasa pada atau selepas 1 Januari 2000 sehingga tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini; dan
 - b. anggota yang bersara sebelum atau pada 1 Januari 2000.

4. Peningkatan Gaji 10% **hendaklah diberi** kepada semua anggota yang sedang berkhidmat pada 1 Januari 2000 termasuk mereka yang berada dalam keadaan seperti berikut –

- a. **dipinjam** atau **ditukar sementara** ke agensi Kerajaan, Peningkatan Gaji 10% hendaklah diselaraskan **secara isyarat** oleh Ketua Jabatan. Pelarasan Gaji hendaklah mengikut gaji pinjaman atau pertukaran sementara seperti di perenggan 5 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000;
- b. **cuti bergaji penuh**, Peningkatan Gaji 10% dibayar sepenuhnya;
- c. **cuti separuh gaji**, Peningkatan Gaji 10% dibayar separuh; dan
- d. **cuti tanpa gaji**, Peningkatan Gaji 10% hendaklah dibuat secara isyarat. Anggota berkenaan dibayar Peningkatan Gaji 10% apabila kembali bertugas.

5. Anggota yang **meninggal dunia** pada atau selepas 1 Januari 2000 layak diberi Peningkatan Gaji 10%. Ketua Jabatan terakhir di mana anggota ditempatkan hendaklah bertanggungjawab terhadap pembayaran tunggakan.

6. Peningkatan Gaji 10% akan terus dibayar **sehingga** anggota berkenaan –

- a. dinaikkan pangkat dan dimasukkan ke dalam skim perkhidmatan Sistem Saraan Baru (SSB) mengikut perenggan 44, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991; atau
- b. ditukar lantik ke dalam skim perkhidmatan SSB; atau
- c. bersara daripada perkhidmatan Kerajaan.

7. Pemberian Peningkatan Gaji 10% ini adalah dibuat **secara berasingan** daripada Gaji JKK dan ianya tidak mengubah struktur tanggagaji yang sedia ada. Syarat perkhidmatan JKK seperti tempoh percubaan, tarikh kenaikan gaji, sekatan peperiksaan dan sekatan kecekapan yang sedang berkuatkuasa juga tidak berubah.

Kaedah Perkiraan

8. Pemberian Peningkatan Gaji 10% dikira mengikut formula berikut –

$$\text{(Gaji Pokok Hakiki + PPKG* 8\%)} \times 10\%$$

Pembayaran Pemberian Pendahuluan Kenaikan Gaji (PPKG) 8% pada hakikatnya telah dilaksanakan mengikut perenggan 3, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992. **Empat** contoh kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% yang mengambilkira PPKG 8% di mana yang berkaitan adalah seperti di **Lampiran A**.

9. Anggota yang tarikh kenaikan gaji tahunan ialah **1 Januari 2000** hendaklah diberi kenaikan gaji terlebih dahulu sebelum diberi Peningkatan Gaji 10%. Contoh kaedah perkiraan adalah seperti di **Lampiran B**.

10. Anggota yang tarikh kenaikan gaji tahunan selepas **1 Januari 2000**, amaun pemberian Peningkatan Gaji 10% yang diterima akan berubah pada tarikh kenaikan gaji tahunan tersebut. Contoh kaedah perkiraan adalah seperti di **Lampiran C**.

Elaun dan Kemudahan

11. Peningkatan Gaji 10% di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini, **tidak mengubah** elaun dan kemudahan di bawah JKK. Walau bagaimanapun, lingkungan gaji bagi penetapan kelayakan beberapa elaun dan kemudahan yang berasaskan gaji hendaklah

* tertakluk kepada ketetapan di perenggan 3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992.

mengambil kira Gaji Pokok Hakiki, PPKG 8% dan Peningkatan Gaji 10%. Lingkungan gaji baru bagi elaun dan kemudahan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran D**.

12. Peningkatan Gaji 10% ini **tidak mengubah** elaun dan kemudahan yang diterima oleh anggota yang berkhidmat di luar negeri.

13. Dalam proses pemberian Peningkatan Gaji 10% ini, sebarang **hukuman** yang dikenakan oleh pihak Berkuasa Tatatertib sebelum tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini yang melibatkan elaun anggota hendaklah dilaksanakan sepenuhnya.

Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

14. Bagi anggota yang mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, caruman mereka hendaklah mengambil kira pemberian Peningkatan Gaji 10% ini.

Faedah Persaraan

15. Bagi anggota yang bersara pada atau selepas 2 Januari 2000, bayaran pensyen, ganjaran dan wang tunai sebagai gantian cuti rehat di bawah undang-undang pensyen hendaklah berasaskan jumlah Gaji Pokok Hakiki bersama dengan PPKG 8% mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 dan Peningkatan Gaji 10% ini.

TARIKH KUATKUASA

16. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2000.

PEMAKAIAN

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

18. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini –
- a. Perenggan 1.1 dan 2.1, Lampiran C Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980; dan
 - b. perenggan 4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987

adalah **dibatalkan**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR.

15 Mei 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

CONTOH 1

ANGGOTA MENIKMATI SEPENUHNYA PPKG 8% MENGIKUT PERENGGAN 3.1 SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992.

Anggota A, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Pertanian A19 JKK yang berada di atas matagaji RM2050.00 pada 1 Januari 2000. Skim Perkhidmatan Pegawai Pertanian tidak terlibat dalam urusan penyusunan semula struktur skim perkhidmatan 1989. Kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% adalah seperti berikut -

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|--|----------------|----------------------------------|---------------------------|
| 1.1.2000 | 2050.00 (a) | | Gaji Pokok Hakiki A19 JKK |
| 1.1.2000 | 164.00 (b) | $2050.00 \times 8\%$ | PPKG 8% sepenuhnya |
| 1.1.2000 | 221.40 (c) | $(2050.00 + 164.00) \times 10\%$ | Peningkatan Gaji 10% |
| Jumlah gaji pada 1.1.2000 (a) + (b) + (c) | 2435.40 | | |

CONTOH 2

ANGGOTA LAYAK DIBERI *TOPPING UP* PPKG 8% MENGIKUT PERENGGAN 3.2 SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992

Anggota B, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) B10 yang berada di atas matagaji RM1430.00 pada 1 Januari 2000. Skim PPPBS telah disusun semula dalam Pelaksanaan Struktur Baru Perkhidmatan Pendidikan 1989. Anggota B telah menikmati peningkatan skel gaji dari C8 ke B10 mulai 2 Januari 1991 dari matagaji RM1065 (C8) ke RM1070 (B10), iaitu tambahan kenaikan gaji RM5. Oleh itu, anggota B dibayar PPKG 8% atas Gaji Pokok Hakiki ditolak RM5. Kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% adalah seperti berikut-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|--|----------------|----------------------------------|---------------------------------------|
| 1.1.2000 | 1430.00 (a) | | Gaji Pokok Hakiki B10 JKK |
| 1.1.2000 | 109.40 (b) | $(1430.00 \times 8\%) - RM5$ | <i>Topping Up</i> PPKG 8% ditolak RM5 |
| 1.1.2000 | 153.94 (c) | $(1430.00 + 109.40) \times 10\%$ | Peningkatan Gaji 10% |
| Jumlah gaji pada 1.1.2000 (a) + (b) + (c) | 1693.34 | | |

CONTOH 3

ANGGOTA TIDAK LAYAK DIBERI PPKG 8% MENGIKUT PERENGGAN 3.2 SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992

Anggota C, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Jurutera A11 JKK yang berada di atas matagaji RM2205.00 pada 1 Januari 2000. Skim Perkhidmatan Jurutera telah terlibat dalam urusan Penyusunan Semula Struktur Perkhidmatan Teknikal 1989. Anggota C telah melangkah titik peningkatan ke tanggagaji A11 dan diselaraskan daripada matagaji RM1830.00 (A18) ke matagaji RM2205.00 pada 1 November 1999. Anggota C telah menikmati kenaikan gaji melebihi 8% daripada gaji lama A18 dan tidak layak PPKG 8%. Kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% adalah seperti berikut-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|-------------------------------------|----------------|-------------------------|---------------------------|
| 1.1.2000 | 2205.00 (a) | | Gaji Pokok Hakiki A11 JKK |
| 1.1.2000 | - (b) | | Tidak layak PPKG 8% |
| 1.1.2000 | 220.50 (c) | $(2205.00) \times 10\%$ | Peningkatan Gaji 10% |
| Jumlah gaji pada 1.1.2000 (a) + (c) | 2425.50 | | |

CONTOH 4

ANGGOTA LAYAK DIBERI PPKG 8 % SEPENUHNYA MENGIKUT PERENGGAN 3.1 SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992 DAN DINAIKKAN PANGKAT DALAM SKIM PERKHIDMATAN JKK

Anggota D, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Pertanian A19 JKK yang berada di atas matagaji RM2150.00 pada 1 Januari 2000 dan dinaikkan pangkat ke gred kanan A11 pada 1 Februari 2000. Anggota D masih layak PPKG 8% sepenuhnya sehingga tarikh kenaikan pangkatnya. Oleh kerana anggota D akan berpindah ke dalam Skim Perkhidmatan SSB mengikut perenggan 44 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, maka mulai 1 Februari 2000 beliau tidak layak diberi PPKG 8% mengikut perenggan 3.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 dan Peningkatan Gaji 10% mengikut perenggan 6(a) Pekeliling Perkhidmatan ini. Kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% adalah seperti berikut-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|---|----------------|----------------------------------|---------------------------|
| 1.1.2000 | 2150.00 (a) | | Gaji Pokok Hakiki A19 JKK |
| 1.1.2000 | 172.00 (b) | $2150.00 \times 8\%$ | PPKG 8% sepenuhnya |
| 1.1.2000 | 232.20 (c) | $(2150.00 + 172.00) \times 10\%$ | Peningkatan Gaji 10% |
| Jumlah gaji pada 1.1.2000 hingga 31.1.2000 (a) + (b) + (c) | 2554.20 | | |

CONTOH

**ANGGOTA YANG TARIKH KENAIKAN GAJI TAHUNAN ADALAH
1 JANUARI 2000**

Anggota E, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang A11, JKK dengan tarikh kenaikan gaji pada 1 Januari. Pada 1 Januari 2000, Anggota E berada di atas matagaji RM2605 (A11) sebelum kenaikan gaji tahunan. Anggota E layak diberi PPKG 8% sepenuhnya mengikut perenggan 3.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992. Kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% adalah seperti berikut-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|--|----------------|----------------------------------|---|
| 31.12.1999 | 2605.00 | | Gaji Pokok Hakiki A11 JKK |
| 1.1.2000 | 2705.00 (a) | | Gaji Pokok Hakiki A11 JKK selepas diberi KGT* |
| 1.1.2000 | 216.40 (b) | $2705.00 \times 8\%$ | PPKG 8% sepenuhnya |
| 1.1.2000 | 292.10 (c) | $(2705.00 + 216.40) \times 10\%$ | Peningkatan Gaji 10% |
| Jumlah gaji pada 1.1.2000 (a) + (b) + (c) | 3213.50 | | |

* Kenaikan Gaji Tahunan

CONTOH

**ANGGOTA YANG TARIKH KENAIKAN GAJI TAHUNAN SELEPAS
1 JANUARI 2000**

Anggota F seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang A11 JKK dengan tarikh kenaikan gaji pada 1 Februari. Pada 1 Januari 2000, anggota F berada di atas matagaji RM2605 (A11) dan layak diberi PPKG 8% sepenuhnya mengikut perenggan 3.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992. Kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% adalah seperti berikut-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|---|----------------|----------------------------------|--|
| 1.1.2000 | 2605.00 (a) | | Gaji Pokok Hakiki A11 JKK |
| 1.1.2000 | 208.40 (b) | $2605.00 \times 8\%$ | PPKG 8% sepenuhnya |
| 1.1.2000 | 281.34 (c) | $(2605.00 + 208.40) \times 10\%$ | Peningkatan Gaji 10% |
| Jumlah gaji pada 1.1.2000 sehingga 31.1.2000 (a) + (b) + (c) | 3094.74 | | |
| 1.2.2000 | 2705.00 (d) | | Gaji Pokok Hakiki A11 JKK selepas KGT* |
| 1.2.2000 | 216.40 (e) | $2705.00 \times 8\%$ | PPKG 8% sepenuhnya |
| 1.2.2000 | 292.14 (f) | $(2705.00 + 216.40) \times 10\%$ | Peningkatan Gaji 10% |
| Jumlah gaji mulai 1.2.2000 (d) + (e) + (f) | 3213.54 | | |

* Kenaikan Gaji Tahunan

**PENETAPAN KELAYAKAN ELAUN DAN KEMUDAHAN
YANG BERASASKAN GAJI**

A. ELAUN

1. Elaun Wilayah

Elaun Wilayah yang dibayar kepada anggota yang bertukar wilayah berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987 adalah dikekalkan. Walau bagaimanapun, lingkungan gaji bagi menetapkan kadar Elaun Wilayah adalah dipinda seperti berikut –

| Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuan) | Peratusan Daripada Gaji Yang Diterima |
|--|--|
| RM4110.48 dan ke atas | 12.5 |
| RM4110.47 – RM2304.72 | 15 |
| RM2304.71 – RM1140.48 | 17.5 |
| RM1140.47 – RM653.40 | 20 |
| RM653.39 – RM427.68 | 22.5 |
| RM427.67 dan ke bawah | 25 |

2. Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas 'C' bagi Anggota Yang Bergaji Kurang Daripada RM974.16 sebulan

Gaji anggota yang layak dipertimbangkan Elaun Perjalananan Kenderaan Kelas 'C' berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1984 dipinda daripada RM820 sebulan kepada RM974.16 sebulan.

3. Elaun Perjalanan

Lingkungan gaji bagi maksud menuntut hitungan perjalanan di perenggan 2.1, Lampiran C, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 adalah dipinda seperti berikut –

| Kelas | Gaji | Sukatan Selinder Kenderaan(s.s) |
|-------|-------------------------------------|---------------------------------|
| A | Tidak kurang dari RM1686.96 sebulan | 1400 s.s dan ke atas |
| B | Tidak kurang dari RM1425.60 sebulan | 1000 s.s dan ke atas |
| C | Tidak kurang dari RM974.16 sebulan | Di bawah 1000 s.s |
| D | Kurang dari RM974.16 sebulan | Tidak kurang 175 s.s |
| E | Kurang dari RM974.16 sebulan | Di bawah 175 s.s |

B. KEMUDAHAN

1. Kelayakan Dan Bayaran Wad

Kelayakan wad dalam perenggan 1.1, Lampiran C, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 adalah dipinda seperti berikut –

| Kelas Wad | Pegawai | Bayaran Sehari |
|----------------------------------|---|----------------|
| Kelas I bilik seorang | Bahagian I yang bergaji RM3082.86 sebulan dan ke atas | RM10 |
| Kelas I bilik berdua | Bahagian I yang bergaji RM2304.72 sebulan dan atas tetapi di bawah RM3082.86 sebulan | RM8 |
| Kelas I bilik bertiga atau lebih | Bahagian I yang lain Bahagian II dan III yang bergaji RM1140.48 sebulan dan ke atas | RM6 |
| Kelas 2 | Bahagian II dan III yang bergaji di bawah RM1140.48 sebulan. Bahagian IV yang bergaji RM427.68 sebulan dan ke atas | RM3 |
| Kelas 3 | Bahagian IV yang bergaji di bawah RM427.68 sebulan | Percuma |